

## PENGLIBATAN GENERASI PERTAMA DAN GENERASI KEEMPAT KELUARGA KOH DALAM PERNIAGAAN CANDU DAN ARAK DI PULAU PINANG, 1786-1910

*(INVOLVEMENT OF THE FIRST AND FOURTH GENERATION OF THE  
KOH FAMILY IN THE OPIUM AND ALCOHOL BUSINESS  
IN PENANG, 1786-1910)*

Tan Soon Chin & Adnan Jusoh

### Abstrak

---

Makalah ini memfokuskan tentang penglibatan generasi pertama dan keempat keluarga Koh dalam perniagaan candu dan arak di Pulau Pinang pada tempoh 1786 hingga 1910. Objektif utama makalah ini adalah untuk menyeluruh akar umbi kepada penguasaan keluarga Koh di Pulau Pinang dalam perniagaan candu dan arak. Selain itu, keupayaan keluarga Koh di Pulau Pinang mempertahankan perniagaan candu dan arak telah membolehkan keluarga mereka menerokai sektor perniagaan baharu yang lain pula terus menjadi tanda tanya. Penulisan ini direalisasikan menerusi penelitian terhadap rekod dan beberapa dokumen yang terdapat di Arkib Negara, Arkib Negeri Pulau Pinang, India Office Records di London, National Library Singapore, Perpustakaan Tunku Bainun, UPSI, Perpustakaan Hamzah Sendut, USM dan Perpustakaan Universiti Malaya. Hasil kajian mendapati perniagaan candu dan arak telah diusahakan oleh generasi pertama keluarga Koh di Pulau Pinang. Perniagaan ini kemudiannya diwarisi oleh Koh Seang Tat iaitu generasi keempat keluarga Koh. Secara umumnya, faktor seperti hubungan dengan pemerintah dan sokongan kepada pihak British sangat dominan, namun faktor lain seperti pengecualian cukai dan pemberian hak pajakan oleh British juga penting dalam mengupayakan keluarga Koh di Pulau Pinang melibatkan diri serta mempertahankan perniagaan candu dan arak. Kejayaan mereka juga dapat dikaitkan dengan faktor modal dan potensi ekonomi setempat. Namun demikian, tidak dinafikan keluarga Koh turut menghadapi beberapa cabaran sepanjang mengusahakan perniagaan candu dan arak. Akhirnya, keluarga Koh memilih untuk mengembangkan perniagaan candu dan arak di Taiwan sebagai langkah untuk mempertahankan perniagaan keluarga. Tambahan pula, kebijaksanaan yang dimiliki dan semangat tidak putus asa juga menjadi faktor yang penting dalam menentukan kejayaan generasi pertama dan generasi keempat keluarga Koh di Pulau Pinang dalam perniagaan candu dan arak.

---

**Kata Kunci:** Generasi, keluarga Koh, perniagaan, candu, arak, Pulau Pinang

### Abstract

---

*This article focuses on the involvement of the first and fourth generations of the Koh family in the opium and alcohol business in Penang from 1786 to 1910. The main objective of this article is to trace the roots of the Koh family's dominance in Penang in the opium and alcohol business. In addition, the ability of the Koh family in Penang to defend the opium and alcohol*

*business has allowed their family to explore other new business sectors is questionable. This study was conducted by analyzing records and several documents available in the National Archives, Penang State Archives, India Office Records in London, National Library Singapore, Tunku Bainun Library, UPSI, Hamzah Sendut Library, USM, and University of Malaya Library. Results from the study shows that opium and alcohol business was run by the first generation of the Koh family in Penang. This business was later inherited by Koh Seang Tat who is the fourth generation of the Koh family. In general, factors such as the relationship with the government and support for the British side are very dominant, but other factors such as tax evasion and the granting of lease rights by the British are also important in enabling the Koh family in Penang to get involved and defend the opium and alcohol business. Their success can also be attributed to capital factors and local economic potential. However, there is no denying that the Koh family also faced several challenges while running the opium and alcohol business. Eventually, the Koh family chose to expand the opium and liquor business in Taiwan as a move to protect the family business. Furthermore, the wisdom possessed and the spirit of not giving up is also an important factor in determining the success of the first generation and the fourth generation of the Koh family in Penang in the opium and alcohol business.*

**Keywords:** Generation, Koh family, business, opium, alcohol, Penang

## PENDAHULUAN

Candu dan arak merupakan suatu barang yang tidak asing bagi masyarakat Cina pada zaman dahulu. Candu pada peringkat awal digunakan untuk melegakan kesakitan dan menenangkan perasaan. Sebaliknya, meminum arak pula merupakan salah satu amalan orang Cina yang dapat membantu memanaskan badan. Di samping itu, tabiat orang Cina meminum arak juga memudahkan mereka membina rangkaian dengan orang lain. Walau bagaimanapun, perubahan masa dan zaman telah menyebabkan candu dan arak digunakan oleh orang Cina pada zaman penjajahan British untuk dijadikan hiburan bagi mengurangkan perasaan tekanan. Orang Cina yang menghisap candu dikatakan kuat, mampu melakukan kerja sehari-hari dengan kerja keras dan mempunyai semangat yang kuat.

Salah satu keluarga Cina di Pulau Pinang yang terlibat dengan perniagaan candu dan arak ialah keluarga Koh. Koh Lay Huan iaitu generasi pertama keluarga Koh merangkup Kapitan Cina yang pertama di Pulau Pinang mempunyai hubungan yang erat dengan Francis Light. Hubungan erat dan rangkaian dengan Francis Light secara tidak langsung membolehkan keluarga Koh melibatkan diri dalam perniagaan candu dan arak dengan mudahnya. Selain itu, perniagaan keluarga Koh juga mengalami perpindahan kawasan sepanjang tempoh 1786 hingga 1910. Perniagaan keluarga tersebut pada asalnya bertapak di Pulau Pinang dan kemudian beralih arah untuk mengembangkan perniagaan di Taiwan dengan menggunakan gelaran keluarga Koo. Perubahan kawasan perniagaan telah membantu keluarga Koh berjaya mengekalkan warisan perniagaan candu dan arak di Pulau Pinang dan seterusnya berkembang hingga ke Taiwan. Objektif artikel ini adalah untuk mengkaji penglibatan generasi pertama dan keempat keluarga Koh dalam perniagaan candu dan arak di Pulau Pinang pada tempoh 1786 hingga 1910. Fokus penulisan ini hanya tertumpu kepada generasi pertama dan generasi keempat sahaja kerana generasi kedua dan ketiga keluarga Koh terlibat dalam bidang politik dan perkhidmatan di Pulau Pinang. Sebahagian waris generasi kedua dan ketiga keluarga Koh turut berkhidmat sebagai pegawai dan menyambung pengajian di China.

## LATAR BELAKANG KELUARGA KOH DARI CHINA KE PULAU PINANG

Keluarga Koh berasal dari negara China dan merupakan suku Hokkien. Daerah Fukien merupakan kawasan tumpuan aktiviti persatuan rahsia seperti *Tiandibui* (*Heaven and Earth Society*). *Tiandibui* merupakan sebuah persatuan rahsia yang bertujuan untuk menggulingkan Dinasti Manchu. Koh Lay Huan merupakan salah seorang orang Cina yang terlibat dalam aktiviti pemberontakan pada tempoh tersebut. Sarnia Hayes Hoyt dalam penulisannya turut menyatakan bahawa Koh Lay Huan, Kapitan Cina yang pertama di Pulau Pinang pernah memberontak terhadap Dinasti Manchu dan menentang

mahkamah Manchu. Beliau kemudian menetap di Pulau Pinang dan bekerja sebagai peniaga, penanam dan peladang cukai<sup>1</sup>.

Koh Lay Huan terlebih dahulu singgah di selatan Siam pada pertengahan abad ke-18<sup>2</sup>. Beliau mempunyai hubungan rapat dengan kerabat diraja Siam iaitu Penghulu Nakhon Srithammarat. Salah seorang anak perempuan Koh Lay Huan telah berkahwin dengan Penghulu Nakhon. Hubungan yang rapat dengan pembesar Siam membolehkannya sampai ke Tanah Melayu dengan mudah kerana Koh Lay Huan tertarik dengan perkembangan ekonomi di Pulau Pinang yang mendatangkan keuntungan lumayan. Koh Lay Huan kemudian beralih ke Kedah dan merupakan seorang tokoh yang dihormati oleh orang Melayu dan Cina. Koh Lay Huan seterusnya dilantik menjadi Kapitan Cina Kedah di Kuala Muda pada 7 Mei 1769 sehingga mendapat gelaran “Kapitan Che Wan”<sup>3</sup>.

Selain itu, Koh Lay Huan mula menjalin hubungan dengan pihak British apabila tiba di Pulau Pinang. Beliau menghadiahkan jala ikan kepada Francis Light pada 18 Julai 1786<sup>4</sup>. Koh Lay Huan dari Kedah telah membawa 500 orang Cina yang terdiri daripada lelaki, wanita dan kanak-kanak untuk menetap di Pulau Pinang. Kedatangan Koh Lay Huan ke Pulau Pinang turut dikaitkan dengan kewujudan pelabuhan bebas. Beliau bersama beberapa orang India beragama Kristian kemudian menghadiahkan jala ikan kepada Francis Light<sup>5</sup>. Langkah ini juga merupakan permulaan kepada hubungan kedua-dua tokoh ini. Francis Light seterusnya melantik beliau sebagai Kapitan Cina Pertama di Pulau Pinang. Menurut Historical Personalities of Penang Committee, Francis Light telah melantik Koh Lay Huan sebagai kapitan Cina yang pertama di Pulau Pinang secara rasminya pada Mei 1787<sup>6</sup>.


Koh Lay Huan juga melibatkan diri dalam pertubuhan Cina bagi mengukuhkan kuasa dan pengaruhnya di Pulau Pinang. Pada tahun 1825, terdapat sekurang-kurangnya tiga “hui” (pertubuhan) di Negeri-negeri Selat iaitu Ghee Hin<sup>7</sup>, Ho Seng dan Hai San<sup>8</sup>. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah pihak yang mengatakan Pulau Pinang pada awal tahun 1780-an mempunyai lima pertubuhan kongsi gelap iaitu Ghee Hin, Ho Seng, Hai San, Chin Chin dan Toh-peh-kong<sup>9</sup>. Pertubuhan ini merupakan pertubuhan kongsi gelap dan biasanya orang yang berpengaruh sahaja akan menjadi ketua bagi pertubuhan tersebut. Di samping itu, rumah Koh Lay Huan terletak di No. 25, Lebuh China, Pulau Pinang kerana jalan tersebut merupakan kediaman Koh Lay Huan-penghuni China pertama dan peniaga di Pulau Pinang<sup>10</sup>. Rumah tersebut (Rajah 1) kini tersenarai bawah Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan dikenali sebagai *East Indies Mansion* yang menawarkan perkhidmatan perhotelan.



Rajah 1. Gambar Rumah Koh Lay Huan (Generasi Pertama)  
Sumber: Persatuan Warisan Pulau Pinang (Penang Heritage Trust)

## GENERASI PERTAMA (KOH LAY HUAN)

Keluarga Koh berasal dari kawasan Hai Cheng, Zhangzhou di daerah Fukien, yang terletak di pantai selatan timur di China. Penutur Hokkien yang berasal daripada Quanzhou dan Zhangzhou telah mempunyai hubungan perdagangan yang rapat dengan Asia Tenggara untuk jangka masa yang lama sejak abad ke-15<sup>11</sup>. Perdagangan di Pulau Pinang membolehkan ahli keluarga Koh berinteraksi dengan penduduk tempatan. Seterusnya, mereka mendirikan rumah tangga dengan wanita tempatan Pulau Pinang dan menetap di Pulau Pinang. Rajah 2 menunjukkan generasi pertama hingga generasi kelima keluarga Koh di Pulau Pinang.



Rajah 2. Generasi Pertama Hingga Generasi Kelima Keluarga Koh Di Pulau Pinang Dan Taiwan  
Sumber: Diolah dan disesuaikan dari Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, *Biographical dictionary of the Chinese in Malaysia*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Selangor, 1997, hlm. 72-75.

Generasi pertama keluarga Koh difokuskan kepada Koh Lay Huan atau nama lainnya Che Kay atau Kapitan Che Wan. Pada 18 Julai 1786, Che Kay bersama-sama dengan orang Cina lain telah tiba di Pulau Pinang. Kedatangan rombongan ini telah dicatatkan oleh Francis Light dalam buku catatan hariannya tetapi catatan tersebut tidak menyatakan tempat asal rombongan ini. Beliau beranggapan bahawa mereka berkemungkinan datang dari Kedah<sup>12</sup>. Koh Lay Huan pada asalnya merupakan seorang pegawai di China.

Selain itu, Koh Lay Huan juga dikenali dengan pelbagai nama seperti Koh Lay Hwan, Che Kay, Cheki, Chu Khee, Koh Che Wan dan Cheko.<sup>13</sup> Beliau merupakan orang Cina yang paling berpengaruh dan terkaya di Pulau Pinang pada tahun 1800-an. Koh mempunyai dua orang isteri. Isteri pertama di Pulau Pinang bernama Saw It Neoh dan dikurniakan enam orang anak lelaki dan dua

orang anak perempuan. Isteri kedua di Kedah pula bernama Guan Boey Neoh dan dikurniakan dua orang anak lelaki dan seorang anak perempuan<sup>14</sup>. Koh Lay Huan telah meninggal dunia pada tahun 1826 dan dikuburkan di Tanah Perkuburan Hokkien Batu Lanchang<sup>15</sup>.

### **GENERASI KEEMPAT (KOH SEANG TAT) (1833-1910)**

Koh Seang Tat merupakan cicit kepada Koh Lay Huan. Beliau disifatkan oleh kawannya, Sir Archibald Anson dan Sir Frank Swettenham seorang yang kasar<sup>16</sup>. Beliau berlajar di *Penang Free School* dan kemudian bekerja sebagai pegawai bawahan di Mahkamah Agung Pulau Pinang<sup>17</sup>. Koh Seang Tat kemudian menjadi Pesuruhjaya Perbandaran di George Town<sup>18</sup>. Seterusnya, Koh Seang Tat juga dilantik sebagai Jaksa Pendamai oleh kerajaan Negeri-negeri Selat<sup>19</sup>.



Rajah 3. Gambar Koh Seang Tat Dan Isteri  
Sumber: George Town World Heritage Incorporated

Koh Seang Tat kemudian berkahwin dengan kakak Oon Gan Thay iaitu ketua kepada rangkaian Thio Thieu Siat's<sup>20</sup>. Beliau dikurniakan enam orang anak lelaki dan empat orang anak perempuan. Koh Seang Tat juga merupakan seorang dermawan yang murah hati. Beliau mengasaskan biasiswa ulang tahun ke-100 sebanyak 1,500 dolar kepada *Penang Free School* dan *St. Xavier's Institution*<sup>21</sup>. Penglibatan politik Koh Seang Tat jelas dilihat apabila beliau mengemukakan petisyen kepada kerajaan Negeri-negeri Selat yang berpusat di Singapura untuk mengagihkan lebih banyak sumber kewangan kepada Pulau Pinang.

Perdagangan Koh Lay Huan tidak diwarisi oleh anak-anaknya namun diteruskan oleh cicitnya iaitu Koh Seang Tat. Beliau merupakan orang Cina pertama yang berjaya memperoleh pajakan cukai bagi candu dan arak di Singapura pada tahun 1880 sehingga menjadi seorang yang kaya<sup>22</sup>. Potensi yang dimiliki oleh Koh Seang Tat membolehkan beliau menubuhkan syarikat candu pada tahun 1880 sehingga Frank Swettenham menggambarkan dia sebagai orang Cina yang paling kaya dan penting di Pulau Pinang<sup>23</sup>. Koh Seang Tat juga mempunyai banyak ladang dusun di Balik Pulau.

Koh Seang Tat juga seorang yang kaya di mana beliau turut mengusahakan penanaman tembakau di Sumatra<sup>24</sup>. Koh Seang Tat kemudian bekerjasama dengan Foo Tye Sin untuk

mengusahakan syarikat bernama Tye Sin Tat and Company di Lebuh Pantai, Pulau Pinang (Rajah 4). Walau bagaimanapun, kegemilangan zaman Koh Seang Tat berakhir apabila beliau meninggal dunia pada tahun 1910 ketika berumur 77 tahun.



Rajah 4. Tye Sin Tat and Company di Lebuh Pantai, Pulau Pinang  
Sumber: G.300/B (N.300/B). 2001. Tye Sin Tat & CO., General Store, Penang, N.D. Jabatan Arkib Negara Malaysia.

### **SEJARAH AWAL PERNIAGAAN KELUARGA KOH DI PULAU PINANG**

Perniagaan yang dijalankan oleh Koh Lay Huan pada peringkat awal ialah penanaman lada bagi tujuan eksport. Perniagaan lada beliau berkembang dengan maju apabila Francis Light memberikan bantuan kewangan kepada beliau. Penglibatan Koh Lay Huan dalam bidang ekonomi tidak terhenti pada aktiviti pertanian malah beliau menggunakan modal berlebihan untuk membeli tanah dan seterusnya mengusahakan pajakan candu dan ladang arak.


Koh Lay Huan bukan sahaja memberi sumbangan dalam ekonomi Pulau Pinang tetapi beliau juga menjadi ahli negara Asia pertama dalam jawatankuasa jalan untuk membantu merancang dan membangunkan komunikasi di Georgetown<sup>25</sup>. Oleh itu, jelas bahawa sumbangan Koh Lay Huan dalam pembangunan negeri Pulau Pinang adalah dalam pelbagai bidang. Koh Lay Huan kemudian meneruskan usaha mengumpul modal di Pulau Pinang dengan melibatkan diri dalam perdagangan namun usaha beliau terhenti apabila beliau telah meninggal dunia pada 1 Januari 1826. Perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang tidak diwarisi oleh generasi kedua dan ketiga kerana pewaris kedua-dua generasi tersebut fokus terhadap bidang pembangunan politik dan perkhidmatan kerajaan British. Misalnya, Koh Kok Chye, generasi kedua keluarga Koh menjadi sebahagian kontijen yang meneman Stamford Raffles untuk mengasaskan Singapura pada tahun 1819<sup>26</sup>. Perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang dilihat hidup kembali pada zaman generasi keempat oleh Koh Seang Tat.

## **FAKTOR YANG MENDORONG PENGLIBATAN GENERASI PERTAMA KELUARGA KOH DALAM PERNIAGAAN CANDU DAN ARAK**

### **Hubungan Dengan Pemerintah**

Hubungan dengan pemerintah amat penting untuk menjamin kelancaran dalam perniagaan orang Cina. Sekiranya seseorang peniaga mempunyai hubungan peribadi yang baik dengan pegawai tempatan, pegawai tersebut akan memperkenalkan pelabur dari kawasan lain yang juga merupakan sebahagian daripada rangkaianya. Hal ini dikatakan demikian kerana ahli politik kekurangan pengetahuan dalam ekonomi. Jadi, mereka memanipulasikan rangkaian dan modal untuk membuka peluang kepada diri mereka untuk memperoleh keuntungan. Misalnya, Kapitan Cina yang pertama di Pulau Pinang iaitu Koh Lay Huan menjalin hubungan rapat dengan Francis Light apabila beliau mentadbir Pulau Pinang pada tahun 1786. Koh Lay Huan juga menghadiahkan jala ikan kepada Francis Light sebagai buah tangan bagi pertemuan pertama mereka berdua<sup>27</sup>. Thomas Menkhoff dan Solvay Gerke bersetuju bahawa dalam proses membina perhubungan antara manusia ‘*guanxi*’, pemberian hadiah dan duit rasuah tidak dapat dielakkan<sup>28</sup>. Tian Xiaowen menambah lagi individu yang mempunyai rangkaian ‘*guanxi*’ mempunyai keistimewaan serta sokongan daripada orang lain. Oleh itu, mereka memperoleh kelebihan yang tidak dinyatakan berbanding orang lain<sup>29</sup>. Jadi, ‘*guanxi*’ menghubungkan dua orang yang tidak sama taraf di mana pihak yang lemah selalunya mengharapkan bantuan yang lebih daripada pihak lain<sup>30</sup>. Lee En-Han juga menjelaskan bahawa hubungan rapat dengan Francis Light membolehkan Koh Lay Huan memperoleh hak mengutip cukai arak di Pulau Pinang sehingga menjadi seorang peniaga yang kaya<sup>31</sup>.

Hubungan keluarga Koh dengan pihak British ini menjadi lebih erat ketika lawatan Duke of Edinburgh ke Pulau Pinang pada tahun 1869. Pembinaan sesuatu ‘*guanxi*’ termasuk aktiviti sosial seperti makan, berbual, minum, hiburan dan pergaulan. Duke of Edinburgh telah menetap di rumah Koh Seang Tat di Lebuh Leith dan hal ini membolehkan rumahnya dikenali sebagai “Edinburgh House” (Rajah 5) sebagai tanda penghargaan untuk menunjukkan kesetiaan keluarga Koh kepada pihak kolonial. Rumah Koh Seang Tat juga dikenali sebagai Edinburgh Castle<sup>32</sup> di mana Koh Seang Tat menghiburkan Duke of Edinburgh di rumahnya<sup>33</sup>. Oleh itu, The Duke mengambil langkah untuk membalas budi Koh Seang Tat apabila beliau menghadiahkan katil yang ditiduri olehnya kepada Koh Seang Tat<sup>34</sup>. Pengurniaan yang luar biasa ini menyebabkan Koh Seang Tat menjadi terkenal sama ada dalam ataupun luar tanah jajahan. Pengekalan sesuatu ‘*guanxi*’ yang rapat memerlukan interaksi sosial yang berterusan. Pelbagai ‘*guanxi*’ dapat meningkatkan peluang untuk interaksi. ‘*Guanxi*’ dapat mewujudkan kesepakatan dan memudahkan kerjasama yang diingini dalam menjalankan perniagaan. Jika perasaan antara manusia ‘*ganqing*’ berkembang, sesuatu perhubungan ‘*guanxi*’ menjadi lebih rapat, boleh dipercayai dan bernilai. Walau bagaimanapun, nilai ‘*ganqing*’ dan ‘*guanxi*’ adalah tidak statik. Sesuatu ‘*ganqing*’ boleh berubah bila-bila sahaja bergantung pada peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka.



Rajah 5. Duke of Edinburgh House pada tahun 1867 dan Ketibaan Tetamu di Edinburgh House

Sumber: Wendy Khadijah Moore, *Malaysia: A pictorial history 1400-2004*, Kuala Lumpur: Editions Didier Millet, 2004, hlm. 52-53.

#### **Sokongan Kepada Pihak British**

Perkembangan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang juga berkait dengan teori orang Cina yang tergolong sebagai “economic man”. Mereka mendapat peluang untuk menceburi bidang ekonomi dengan memberi sokongan kepada kerajaan. Oleh itu, kerajaan akan menunaikan permintaan mereka dengan membuka peluang kepada orang Cina untuk melakukan sesuatu aktiviti ekonomi seperti perdagangan dan pertanian. Situasi ini telah melihatkan permainan politik orang Cina di mana mereka boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi dalam proses pengumpulan modal. Seterusnya, British menyerang Burma pada tahun 1824. Koh Lay Huan telah membina sebuah armada kapal dengan pedagang Cina di Pulau Pinang untuk membekalkan makanan kepada askar-askar British<sup>35</sup>. Sokongan

dan perhubungan yang baik dengan pihak British membolehkan perniagaan keluarga Koh bertapak dengan kukuh di Pulau Pinang. Perhubungan antara manusia ‘*Guanxi*’ bukan sahaja berkait dengan perasaan sesama manusia ‘*ganqing*’ malah turut berkait dengan kepercayaan antara manusia ‘*xinyong*’. Menurut Tong Chee Kiong, ‘*xinyong*’ merujuk kepada integriti, kebolehpercayaan, reputasi, watak serta peribadi seseorang<sup>36</sup>. Seseorang boleh membina ‘*xinyong*’ apabila mereka membina ‘*guanxi*’ terlebih dahulu. Pengekalan sesuatu ‘*guanxi*’ juga bergantung pada kebolehpercayaan yang sedang berlangsung. Jadi, ternyata bahawa hubungan keluarga Koh dengan pemerintah British yang saling membantu ini telah membawa kejayaan terhadap ekonomi keluarga mereka di Pulau Pinang.

### **Pengecualian Cukai Oleh Pihak British**

Faktor pengecualian cukai juga membolehkan keluarga Koh berminat untuk berkecimpung dalam perniagaan arak dan candu di Pulau Pinang. Menurut M. Stubbs Brown, cukai eksport yang umum iaitu 2.5% juga dikenakan terhadap semua barang kecuali emas urai, jongkong emas, candu, bijian dan rempah-ratus. Hal ini kerana cukai-cukai barang tersebut telah dikenakan dalam cukai pindah barang di pelabuhan. Pulau Pinang turut mempunyai hak tersendiri dalam menentukan soal cukai tanpa campur tangan daripada pihak ketiga. Pihak British yang berhasrat untuk mengembangkan ekonomi di Pulau Pinang telah menetapkan beberapa barang dikecualikan cukai sebagai langkah bagi menarik minat orang Cina untuk mengembangkan ekonomi di kawasan tersebut. Dasar kerajaan British iaitu tidak mengenakan cukai terhadap pemilik namun mereka dikehendaki membayar sewa kepada kerajaan British. Perkara ini menyebabkan Keluarga Koh berminat untuk melibatkan diri dalam perniagaan candu kerana tidak perlu membayar cukai candu.

Jadual 1. menunjukkan kadar sewa yang dibayar oleh pengusaha Cina kepada kerajaan British. Kadar sewa ladang candu paling tinggi iaitu \$3,660 dan diikuti oleh sewa ladang arak \$3,080. Sewa yang ketiga tinggi ialah pusat perjudian. Mereka yang mengusahakan pusat judi dikehendaki membayar sewa \$2,640. Seterusnya, kadar sewa bagi pinang dan daging babi ialah \$1,010 dan \$550. Seterusnya, kadar sewa bagi garam ialah \$475 dan diikuti oleh sewa minyak sapi dan ladang babi sebanyak \$380. Akhir sekali, kadar sewa bagi perusahaan atap paling rendah iaitu \$210 sahaja<sup>37</sup>. Jadi, ternyata bahawa peniaga Cina contohnya keluarga Koh dikehendaki membayar sejumlah sewa kepada kerajaan British. Keluarga Koh giat berniaga dalam perniagaan seperti pajakan ladang candu dan arak. Oleh itu, beliau mampu menggunakan wang yang berlebihan untuk mengembangkan perniagaan lain.

**Jadual 1. Kadar Sewa Yang Dibayar Oleh Pengusaha Cina Kepada Kerajaan British**

Bil	Jenis	Kadar Sewa (\$)
1	Ladang candu	3,660
2	Pusat perjudian	2,640
3	Ladang (kilang) arak	3,080
4	Minyak sapi dan ladang babi	380
5	Daging babi	550
6	Pinang	1,010
7	Atap	210
8	Garam	475

*Sumber:* Extract of Public Letter (1806)<sup>38</sup>

### **Pemberian Hak Pajakan Cukai**

Pemberian hak pajakan cukai kepada orang Cina seperti keluarga Koh juga merupakan salah satu taktik kerajaan British untuk mengembangkan kepelbagaiannya kegiatan ekonomi di Pulau Pinang. Pihak kerajaan telah memberikan kebenaran kepada orang Cina seperti Koh Lay Huan untuk membuka ladang candu, rumah pelacuran, judi dan arak. Potensi yang wujud iaitu dasar British telah menyebabkan keluarga Koh berusaha untuk mendapatkan hak pajakan cukai dengan syarat memberikan jumlah pendapatan tertentu kepada kerajaan British. Keuntungan yang selebihnya dikira sebagai hasil pendapatan mereka.

## **PERNIAGAAN CANDU DAN ARAK OLEH GENERASI PERTAMA KELUARGA KOH DI PULAU PINANG BERMULA TAHUN 1786**

### **Perniagaan Dan Pajakan Candu**

Perniagaan candu dan arak pada peringkat awal merupakan salah satu aktiviti yang membawa keuntungan kepada orang Cina. Keluarga Koh di Pulau Pinang juga tidak melepaskan peluang untuk melibatkan diri dalam kedua-dua aktiviti tersebut kerana membawa keuntungan yang lumayan berbanding dengan pekerjaan lain yang dijalankan oleh orang Cina<sup>39</sup>. Koh Lay Huan iaitu generasi pertama keluarga Koh merangkap Kapitan Cina yang pertama di Pulau Pinang tidak teragak-agak untuk melibatkan diri dalam perladangan candu. Aktiviti ini kemudian diwarisi oleh generasi keempat keluarga Koh iaitu Koh Seang Tat.

Seperti yang diketahui umum, candu merupakan salah satu barang yang mendapat permintaan dan mempunyai pasaran tinggi pada zaman sebelum merdeka. Hal ini dikatakan demikian kerana candu digunakan oleh golongan petani dan buruh untuk meneruskan kehidupan harian. Dalam konsep masyarakat Cina, mereka yang menghisap candu turut bermain judi, mengunjungi rumah pelacuran dan minum arak. Keempat-empat aktiviti ini boleh dikatakan empat serangkai dan saling berkait. Kebanyakan petani dan buruh datang dari China tanpa keluarganya. Oleh itu, perasaan sunyi sepi sering membawa mereka ke perangkap dan godaan dengan mengunjungi rumah candu, rumah judi dan rumah pelacuran sebagai hiburan selepas penat bekerja<sup>40</sup>. Seseorang yang menghisap candu dikatakan kuat dan dapat bekerja untuk tempoh masa yang lama. Walau bagaimanapun, penagihan candu dan ketagih dengan minum arak turut membawa kesan negatif terhadap pekerja Cina ini. Broker pekerja akan berpaktat dengan pengurus rumah candu dan rumah arak pada masa yang sama untuk memerangkap buruh-buruh Cina serta memaksa mereka bekerja keras untuk membayar hutang candu.

Keluarga Koh mempunyai hubungan yang rapat dengan Francis Light dan pihak British. Hubungan erat ini membolehkan Che Kay<sup>41</sup> memperoleh hak mengendalikan jualan candu dan arak sehingga membolehkan beliau menjadi seorang pedagang yang kaya. Kemudian, Che Kay berjaya memperoleh hak mengutip cukai arak di James Town pada tahun 1806<sup>42</sup>. Selanjutnya, beliau turut memperoleh hak mengutip cukai arak di Georgetown pada tahun 1810. Che Kay sendiri juga memiliki ladang candu dan mengeksport candu ke Kedah dan Aceh. Potensi ini membolehkan Che Kay meluaskan perdagangannya ke kawasan serantau Pulau Pinang.

Che Kay juga bijak menggunakan modal yang berlebihan dengan melibatkan diri dalam perdagangan candu. Ladang candu akan dilelong melalui kongsi gelap dan mereka yang dapat menawarkan harga yang tinggi akan mendapat tanah untuk menanam candu secara besar-besaran<sup>43</sup>. Selain itu, mereka yang berjaya mendapatkan ladang candu biasanya diberi gelaran “peladang”. Oleh itu, para peladang mempunyai keistimewaan iaitu boleh membeli candu dengan kadar borong dan menjualkannya kepada orang awam dalam harga runcit. Walau bagaimanapun, jual beli ini berada di bawah kawalan kerajaan. Seterusnya, mereka yang merupakan peladang candu pada zaman awal biasanya terdiri daripada pemimpin kongsi gelap atau pemimpin Cina yang berpengaruh disebabkan mereka mengawal kemasukan buruh dari negara China. Pernyataan ini tepat sekali di mana Che Kay sebagai Kapitan Cina di Pulau Pinang telah melibatkan diri dalam perdagangan candu.

Perdagangan candu ini kebanyakannya didominasi oleh pedagang Cina yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Pertama, mereka mesti terdiri daripada golongan yang kaya dan boleh mengeluarkan sejumlah modal yang banyak untuk pelaburan. Kedua, mereka mesti mempunyai hubungan diplomatik yang baik dengan pihak British, pemerintah tempatan, kongsi gelap dan mempunyai rakan kongsi yang berpengaruh di rantau lain untuk menyokong perdagangannya. Ketiga, mereka yang mendapat hak kontrak dan hak pajakan cukai bagi candu rata-rata terdiri daripada mereka yang mempunyai pangkat atau jawatan tertentu. Misalnya, Koh Lay Huan (Che Kay) dan Yap Ah Loy merupakan kapitan di negeri Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Perdagangan candu dilihat begitu

menguntungkan berbanding dengan perdagangan lain kerana kebanyakan orang Cina melibatkan diri dalam menghisap candu.

Tambahan pula, hasil daripada kegiatan candu, berjudi dan arak telah meningkatkan pendapatan Pulau Pinang. Candu telah memperoleh hasil sebanyak \$25,500, rumah judi sebanyak \$25,800 dan arak sebanyak \$21,240<sup>44</sup>. Pada abad ke-19, Pulau Pinang dan Singapura telah dikenal pasti berkhidmat kepada perdagangan candu British antara negara India dengan China<sup>45</sup>. Pulau Pinang juga merupakan pusat utama eksport candu tetapi perdagangan candu juga dijalankan di beberapa negeri. Antaranya ialah di negeri Johor, Kedah, Perak, Kuala Lumpur, Melaka dan Singapura. Sebenarnya, pihak penjajah sama ada British atau Belanda juga melibatkan diri dalam pelaburan yang berkaitan dengan perdagangan candu. Kadang kala, pihak ini memberi peluang dan kebenaran kepada pedagang untuk menjalankan pedagangan candu kerana pedagangan tersebut merupakan simbol kepada suatu bentuk ekonomi kolonial<sup>46</sup>. Sehingga 1870, eksport candu adalah sebanyak satu per sepuluh daripada semua jenis barang eksport.

### **Pajakan Ladang Arak**

Selain perdagangan candu, keluarga Koh juga mengusahakan pajakan ladang arak. Perkataan ladang digunakan dalam subtajuk ini kerana sarjana barat sebut peladang atau ladang sebagai farmer, farming atau farm (*revenue leasing*) dalam artikel bahasa Inggeris. Misalnya, Koh Lay Huan pada tahun 1806 berjaya mendapat pajakan ladang arak di James Town. Che Kay kemudian mendapat hak peladangan di George Town<sup>47</sup> pada tahun 1810 hingga 1811 bawah nama Che Wan. Perkataan “pajak” sering kali digunakan untuk menggambarkan jenis perniagaan tertentu walaupun urus niaga tersebut berlangsung antara orang Cina dengan orang Cina. Kini, perkataan “pajak” jarang digunakan berbanding pada abad ke-19 yang merujuk perkataan “pajak” kepada salah satu jenis monopoli yang disewakan oleh kerajaan<sup>48</sup>. Jadi, pajakan juga merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada kekayaan keluarga Koh.

Jadual 2. menunjukkan penyata candu yang diimport ke Klang dari Negeri-negeri Selat pada bulan Disember tahun 1880. Import candu ke Klang dari Singapura mencecah bilangan tertinggi iaitu sebanyak 19 chests<sup>49</sup> manakala Melaka menduduki tempat kedua tinggi iaitu lapan chests. Pulau Pinang menduduki tempat ketiga tinggi iaitu dua chests atau 108 kilogram. Jumlah keseluruhan candu yang diimport ke Klang dari Negeri-negeri Selat pada Disember 1880 berjumlah 29 chests<sup>50</sup>. Import candu dari Singapura lebih tinggi berbanding Pulau Pinang dikaitkan dengan perubahan pentadbiran Negeri-negeri Selat. Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) menubuhan Negeri-negeri Selat (NNS) pada tahun 1826 dengan menjadikan Pulau Pinang sebagai ibu negeri. Walaupun begitu, modal untuk mentadbir Pulau Pinang adalah tinggi dan Singapura kemudian menggantikan peranan Pulau Pinang sebagai ibu negeri bagi NNS pada tahun 1832<sup>51</sup>. Oleh itu, perubahan pentadbiran dan perubahan Pulau Pinang sebagai ibu negeri bagi NNS sedikit sebanyak telah menjelaskan perdagangan di Pulau Pinang.

Jadual 2. Penyata Candu Import Ke Klang Dari Negeri-Negeri Selat Pada Bulan Disember, 1880

Tempat	Bilangan (chests)
Singapura	19
Melaka	8
Pulau Pinang	2
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>

*Sumber:* Diolah dan disesuai dari Opium Returns, Ref: CS. 34/81, A(N)/SUK (B.000000)/01.001.

## PENGLIBATAN GENERASI KEEMPAT DALAM PERNIAGAAN CANDU DAN ARAK

### Perniagaan Candu

Generasi keempat keluarga Koh iaitu Koh Seang Tat mewarisi perniagaan keluarga yang mengusahakan candu dan arak. Hal ini kerana kerajaan Negeri-negeri Selat amat bergantung kepada pendapatan candu kerana 60% daripada jumlah hasil pendapatan kerajaan berpunca daripada pendapatan candu. Seterusnya, candu telah menjadi hasil pendapatan yang paling banyak kepada Perancis di Indochina sebelum dimonopoli oleh kerajaan pada tahun 1883<sup>52</sup>. Sebenarnya, pedagang Belanda dan Portugis juga mengusahakan eksport kecil-kecilan candu ke Macau, Canton, Jawa, dan pulau-pulau yang mengandungi rempah sebelum British lagi. Candu yang diimport masuk ke Pulau Pinang akan menambah bekalan candu ada dan kemudian diagihkan ke negeri-negeri yang mempunyai permintaan terhadap bekalan tersebut.

Jadual 3. menunjukkan pendapatan keseluruhan dan pendapatan candu di Negeri-negeri Selat dari tahun 1898 hingga 1906. Pada tahun 1898, pendapatan candu di Negeri-negeri Selat adalah sebanyak \$2,332,186. Angka tersebut menurun sedikit ke 2,333,26 dolar pada tahun 1899. Seterusnya, pendapatan candu pada tahun 1900 dan 1901 berjumlah 2,333,300 dolar dan 3,747,269 dolar. Tahun 1902 memperlihatkan sedikit penurunan iaitu hanya berjumlah 3,746,729 dolar dan kemudian menurun lagi ke 3,746,659 dolar pada tahun 1903. Pendapatan candu pada tahun 1904 meningkat iaitu 6,357,727 dolar tetapi menurun ke 5,368,939 dolar pada tahun 1905. Selanjutnya pada tahun 1906, pendapatan candu menurun lagi ke 5,12,506 dolar. Jadi, pendapatan candu di Negeri-negeri Selat dari tahun 1898 hingga 1906 mengalami ragam naik turun mengikut tahun yang berbeza. Walaupun begitu, perdagangan candu begitu menguntungkan kerana 43.3% hingga 59.1%<sup>53</sup> daripada keseluruhan pendapatan Negeri-negeri Selat datang daripada pendapatan candu. Jadi, perdagangan candu bukan sahaja diusahakan oleh generasi keempat keluarga Koh tetapi juga dilibatkan oleh pihak penjajah sendiri bagi sama-sama mengaut keuntungan.

Jadual 3. Pendapatan Keseluruhan Dan Pendapatan Candu Di Negeri-Negeri Selat  
Dari Tahun 1898-1906

Bil	Tahun	Pendapatan keseluruhan Negeri-negeri Selat (dolar)	Pendapatan Candu (dolar)	Peratus (%)
1	1898	5,071,281	2,332,186	45.9
2	1899	5,200,025	2,333,26	44.8
3	1900	5,386,556	2,333,300	43.3
4	1901	7,041,685	3,747,269	53.2
5	1902	7,754,733	3,746,729	48.3
6	1903	798,496	3,746,659	47.1
7	1904	10,746,517	6,357,727	59.1
8	1905	1,167,423	5,368,939	46.0
9	1906	9,618,312	5,12,506	53.3

Sumber: Cheah See Kian, The Chinese: Two hundred years in Penang, Han Chiang College, Pulau Pinang, 2012, hlm. 104

Di Negeri-negeri Selat, penagih candu yang utama ialah kaum Cina. Boleh dikatakan 90% imigran Cina yang datang ke Negeri-negeri Selat mempunyai amalan hisap candu. Sehingga tahun 1930, rekod Negeri-negeri Selat telah mencatatkan bahawa seramai 42,751 orang Cina merupakan penagih candu<sup>54</sup>. Buruh-buruh Cina biasanya bekerja sebagai pelombong bijih timah, penanam gambir dan lada. Hal ini kerana candu dikatakan berkesan untuk melegakan kesakitan bagi pekerjaan yang memerlukan kudrat, dan mereka dapat bekerja dalam jangka masa yang panjang untuk meningkatkan hasil pertanian<sup>55</sup>. Upah harian yang diperoleh oleh buruh-buruh Cina adalah dalam 1.00 dolar hingga 1.50 dolar tetapi mereka sanggup membelanjakan 60 sen untuk membeli candu. Seterusnya, diikuti pula oleh orang Melayu yang turut menagih candu namun bilangan kaum Melayu adalah sedikit sahaja berbanding dengan orang Cina. Selain itu, di kawasan Jawa, mereka yang

menghisap candu bukanlah buruh Cina tetapi ialah orang tempatan Jawa sendiri<sup>56</sup>. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perdagangan candu begitu menguntungkan kerana penggunanya bukan sahaja terdiri daripada orang Cina tetapi juga terdiri daripada kaum Melayu, India, Jawa dan lain-lain.

### **Pajakan Candu**

Seterusnya, Koh Seang Tat turut menjalankan perniagaan pajakan candu. Beliau telah berjaya memperoleh kontrak cukai ladang di Pulau Pinang. Koh Seang Tat merupakan penduduk Pulau Pinang pertama yang berjaya memperoleh hak ladang candu dan arak di Singapura dengan modal sebanyak \$500,000<sup>57</sup>. Pembidaan tersebut disokong oleh Gabenor Sir Frederick Weld kerana cara pengurusan ladang di Pulau Pinang telah menarik hati Sir Frederick untuk menyokongnya. Ladang candu dan arak di Pulau Pinang pula diperoleh pada tahun 1870 dan pada masa yang sama, Koh Seang Tat merupakan peladang cukai di negeri Johor dan Perak. Beliau memperoleh ladang candu dan arak di daerah Trans-Kerian. Koh Seang Tat juga bertanggungjawab menyediakan wang kepada Ngah Ibrahim.

Koh Seang Tat bukan sahaja melibatkan diri dalam pajakan candu di Pulau Pinang malah melibatkan diri dalam pajakan candu di Perak. Hal ini terbukti apabila Koh Seang Tat, Kongsi Ho Seng dari Larut dan Lee Cheng Tee dari Singapura mengambil bahagian dalam penenderan pajakan candu di Perak<sup>58</sup>. Kerajaan Perak telah mengeluarkan tender pajakan hasil candu bagi tempoh setahun bermula 1 Februari 1875. Para kapitalis yang berminat untuk mendapatkan tender pajakan candu di Perak seperti Koh Seang Tat telah menyerahkan borang tender tersebut kepada Residen Perak. Walaupun begitu, pemberian tender pajakan candu di Perak menjadi isu. Hal ini dikatakan demikian kerana pemberian tender kepada sekumpulan kapitalis Cina seperti Koh Seang Tat, Tan Kim Ching dan Lee Cheng Tee dengan kadar sewaan sebanyak \$6,000 sebulan untuk ladang candu bagi Perak dan Larut<sup>59</sup> menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan kapitalis Cina Selat yang lain. Seterusnya, cukai pajakan candu pada tahun 1904 mengalami pengurangan lebih daripada satu juta dolar dan berpunca daripada kemasuhan ladang candu<sup>60</sup>. Pada tahun 1906, sewa ladang candu berkurang dengan drastik dan keadaan ini menandakan pajakan candu yang diusahakan oleh Koh Seang Tat turut terjejas.

### **Import Dan Eksport Candu**

Koh Seang Tat juga mengusahakan import dan eksport candu di Pulau Pinang. Candu yang diimport masuk ke Pulau Pinang akan menambah bekalan candu yang sedia ada dan kemudian diagihkan ke negeri-negeri yang mempunyai permintaan terhadap bekalan tersebut. Import dan eksport jumlah candu meningkat sedikit pada tahun 1901 berbanding tahun sebelumnya. Jadual 4 menunjukkan import dan eksport candu di Negeri-negeri Selat pada tahun 1901. Sebanyak 895,536 kilogram candu telah diimport ke Negeri-negeri Selat pada tahun tersebut, 14,395 chests atau 777,330 kilogram candu daripadanya berkualiti Benares<sup>61</sup>. Selain itu, eksport candu pada tahun 1901 berjumlah 734,022 kilogram<sup>62</sup> di mana 10,054.63 kilogram candu dieksport ke Australia.

**Jadual 4. Import Dan Eksport Candu Di Negeri-Negeri Selat  
Pada Tahun 1901**

<b>Kategori</b>	<b>Jumlah (Chests)</b>	<b>Jumlah (kilogram)</b>
Import	16,584	895,536
Eksport	13,593	734,022

*Sumber:* Robert L. Jarman (*ed.*), Annual reports of the Straits Settlements 1855-1941, Vol 5: 1901-1907, Report No. 360, Archieve Editions Limited, United Kingdom, 1998, hlm. 73.

### **Pajakan Ladang Arak Dan Import Minuman Keras**

Selain mengusahakan perniagaan candu, pajakan candu dan import eksport candu, Koh Seang Tat turut melibatkan diri dalam pajakan ladang arak. Pajakan ladang arak juga memainkan peranan dominan dalam usaha meningkatkan jumlah pendapatan di Pulau Pinang. Ladang arak dijual dengan kaedah lelong. Kebanyakan orang Cina yang kaya seperti keluarga Koh turut berminat untuk menjalankan pajakan arak disebabkan orang Cina merupakan komuniti yang paling ramai meminum arak<sup>63</sup>. Permintaan terhadap arak dalam kalangan orang Cina semakin meningkat disebabkan populasi orang Cina yang ramai di Pulau Pinang.

Selain itu, orang Cina juga akan minum arak ketika makan nasi. Tabiat orang Cina ini telah menyebabkan arak mendapat pasaran tinggi dalam kalangan orang Cina. Pada tahun 1820-an, orang Cina di Seberang Perai akan pergi ke Pulau Pinang setiap bulan untuk membeli arak dalam kuantiti yang banyak untuk kegunaan diri<sup>64</sup>. Permintaan yang tinggi terhadap arak menyebabkan jumlah ladang arak turut meningkat. Peningkatan tersebut tidak terbatas pada Negeri-negeri Selat tetapi juga di negeri lain. Koh Seang Tat berminat untuk mengusahakan pajakan ladang arak kerana sewa terhadap ladang arak adalah \$45,000 sebulan dan nilai sewa ini adalah sama dari tahun 1904 hingga 1907<sup>65</sup>. Nilai sewa yang tidak bertambah selama tiga tahun telah membuka peluang kepada Koh Seang Tat untuk mengumpul modal dari tahun ke tahun.

Keluarga Koh turut mengusahakan perniagaan import minuman keras dan perniagaan ini mengalami pola penurunan pada tahun 1900. Misalnya, import minuman keras di Negeri-negeri Selat pada tahun 1901 menurun 5% ke atas di mana 118,000 gelen wiski adalah lebih rendah importnya berbanding 122,000 gelen pada tahun 1900<sup>66</sup>. Selain itu, import arak dan samsu menurun ke 27,000 gelen tetapi arak brandi dan gin mempunyai sedikit peningkatan importnya. Selain daripada itu, pengurangan dua juta dolar bagi import dari Calcutta berpunca daripada pengurangan nilai import candu. Pengurangan eksport pada tahun 1901 di Negeri-negeri Selat mencecah 12% ke atas iaitu \$370,000 dolar di mana \$25,000 terdiri daripada eksport candu. Seterusnya, hasil cukai pada tahun 1902 adalah \$2,337,474 dolar berbanding dengan \$2,221,914 pada tahun 1901.

### **CABARAN YANG DIHADAPI OLEH KELUARGA KOH DALAM PERNIAGAAN CANDU DAN ARAK**

#### **Kemunculan perdagangan industri**

Generasi keempat keluarga Koh turut berhadapan dengan beberapa cabaran dalam menjalankan perniagaan candu dan arak. Perniagaan candu dan arak terjejas bermula tahun 1890 apabila ekonomi di Negeri-negeri Selat dan Tanah Melayu mengalami perubahan yang besar. Hal ini dikaitkan dengan perubahan ekonomi dunia iaitu perdagangan komersial berubah menjadi perdagangan industri. Pada pertengahan abad ke-19, banyak tenaga kerja tidak diperlukan dan diambil alih oleh mesin. Modal yang besar juga diperlukan untuk membeli mesin dan keadaan ini tidak selaras dengan keadaan Pulau Pinang yang mempunyai pekerja Cina yang ramai dan murah upahnya. Pada tahun 1818, sebanyak 7,858 orang Cina di Pulau Pinang dan angka ini bertambah ke 15,457 orang pada tahun 1851 dan seterusnya bertambah lagi ke 28,081 orang pada tahun 1860<sup>67</sup>. Kemunculan mesin secara tidak langsung menyebabkan ramai pekerja kehilangan kerja<sup>68</sup>. Keadaan ini menyebabkan perdagangan candu dan arak yang diusahakan oleh keluarga Koh di Pulau Pinang tidak bertahan lama.

#### **Gerakan Anti Candu Oleh Orang Cina Di Pulau Pinang**

Selain itu, orang Cina mempunyai hasrat untuk menangani masalah penagihan candu yang semakin serius di Negeri-negeri Selat. Salah satu usaha yang dilakukan oleh orang Cina di Pulau Pinang untuk mengurangkan perdagangan dan penggunaan candu ialah mengadakan perjumpaan dengan masyarakat Cina pada 26 Oktober 1906 di Dewan Bandar Cina (Chinese Town Hall). Perjumpaan tersebut dihadiri oleh dua ribu orang dan bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat Cina tentang bahaya candu. Perjumpaan tersebut dipengerusikan oleh J.G. Alexander iaitu Setiausaha Penghapusan Perdagangan Candu dan masyarakat Cina di Pulau Pinang diberi peluang untuk

menyuarkan ketidakpuasan hati mereka terhadap candu. Antaranya termasuk sistem undang-undang yang sedia ada memihak kepada pedagang Cina yang mengusahakan perdagangan candu. Selain itu, keuntungan yang diperoleh daripada perdagangan candu sangat lumayan sehingga menyebabkan peningkatan perdagangan candu<sup>69</sup>. Gerakan ini telah menyebabkan permintaan terhadap candu mula berkurangan.

### **Undang-undang Pengharaman Jualan Candu 1908**

Seterusnya, bagi membasmikan masalah candu, suatu undang-undang baharu telah digubal oleh kerajaan Negeri-negeri Selat pada tahun 1908. Undang-undang tersebut tidak membenarkan candu dijual di rumah pelacuran. Undang-undang ini telah menjelaskan jualan candu. Keadaan ini menyebabkan para pemilik sistem pajak candu tidak mampu membayar sewa. Akhirnya, kerajaan British mengambil alih perdagangan dan urusan berkaitan candu<sup>70</sup>. Menjelang akhir abad ke-19, kawalan kerajaan terhadap kawasan tempatan membolehkan kerajaan British menuntut sewa yang lebih tinggi dan cuba mendapatkan faedah sebanyak mungkin<sup>71</sup>. Keadaan ini membebankan pedagang Cina seperti Koh Seang Tat yang mengusahakan perdagangan dan pajakan candu di Pulau Pinang. Menurut Laporan Tahunan Negeri-negeri Selat pada tahun 1910, jualan candu pada bulan Ogos 1910 sebanyak \$2,325 dan jualan candu ini menurun ke \$1,800 pada akhir tahun 1910<sup>72</sup>. Keadaan ini akhirnya menyebabkan keluarga Koh mengambil langkah alternatif iaitu mula mengembangkan perniagaan candu dan arak di Taiwan bagi mengekalkan perniagaan keluarga mereka.

### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, potensi dari segi pasaran dan bilangan orang Cina yang ramai telah membuka peluang kepada generasi pertama dan keempat keluarga Koh untuk mengusahakan perniagaan candu dan arak<sup>73</sup>. Keluarga Koh dikatakan bijak menggunakan peluang dan hubungan dengan pemerintah yang sedia ada untuk mengaut keuntungan lumayan dan seterusnya mengembangkan perniagaan candu serta arak di Taiwan. Keluarga Koh tidak pernah berputus asa untuk menghentikan perniagaan candu dan arak walaupun perniagaan tersebut tidak diwarisi oleh generasi kedua dan ketiga. Sifat yang tidak berputus asa ini tidak menghalang keluarga Koh untuk meneruskan perniagaan tersebut oleh generasi keempat. Pencapaian perniagaan candu dan arak yang diusahakan oleh generasi keempat dilihat lebih berkembang berbanding dengan generasi pertama keluarga Koh. Namun, didapati generasi keempat berhadapan dengan pelbagai cabaran bermula tahun 1890 iaitu perubahan ekonomi dunia, gerakan anti candu dan penguatkuasaan undang-undang baharu yang mengharlamkan penjualan candu.

Waris generasi keempat keluarga Koh telah berjuang dan meneruskan perniagaan candu dan arak. Walau bagaimanapun, keluarga Koh akhirnya memilih untuk mengembangkan perniagaan candu dan arak di Taiwan. Sifat tidak mudah berputus asa dan teruskan perjuangan harus dicontohi dan dipelajari oleh peniaga Cina yang lain jika ingin mencapai kejayaan dalam aktiviti ekonomi. Kejayaan keluarga Koh tidak kira generasi pertama atau keempat dalam perniagaan candu dan arak terbukti apabila pendapatan candu dan arak menyumbang kepada jumlah pendapatan negeri Pulau Pinang dari tempoh 1786 hingga 1910. Jadi, boleh dikatakan perniagaan candu dan arak yang diusahakan oleh generasi keempat keluarga Koh di Pulau Pinang dilihat lebih berjaya sehingga mampu menambah modal dankekayaan keluarga tersebut. Hal ini secara tidak langsung juga membantu keluarga Koh terus bergiat aktif untuk mengembangkan aktiviti ekonomi yang lain sama ada di Pulau Pinang atau Taiwan. Konsep ‘*money breeds money*’ akhirnya telah menjamin kekayaan keluarga Koh dari generasi ke generasi hingga kini.

### **RUJUKAN**

- (T.p). 1986. *Historical personalities of Penang*. Pulau Pinang: Historical Personalities of Penang Committee.
- Achey, J.S. 2009. *Pengenalan kepada Proses Pembuatan* (Edisi Ke-3). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia

- Andaya, B.W. & Andaya, L.Y. 1983. *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Macmillan Publishers (M) Sdn. Bhd.
- Bailey, W. & Lan Truong. 2000. Opium and empire: Some evidence from colonial-era Asian stock and commodity markets. *Journal of Southeast Asian Studies* 32 (June 2001): 3.
- Brown, M.S. 1963. A History of Penang 1805-1819. Disertasi Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Butcher, J. & Dick, H. (Ed.). 1993. *The Rise and Fall of Revenue Farming: Business Elites and The Emergence of The Modern State in Southeast Asia*. New York: St. Martin's Press, Inc.
- Chan, K.B. & Chiang, C.S.N. 2009. *Mengorak Langkah: Melahirkan Usahawan Cina*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Cheah, S.K. 2012. *The Chinese: Two hundred years in Penang*. Pulau Pinang: Han Chiang College.
- Daryl, Y. 2003. *The King's Chinese: From barber to banker, the Story of Yeap Chor Ee and the Straits Chinese*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- DeBernardi, J. 2009. *Penang: Rites of belonging in a Malaysian Chinese Community*. Singapore: NUS Press.
- Extract of public letter from POWI dated 31st July 1806. Para 32.
- G.300/B (N.300/B). 2001. Tye Sin Tat & CO., General Store, Penang, N.D. Jabatan Arkib Negara Malaysia.
- “History of China Street”, *China Tiger*, 7 March 2003.
- Hoyt, S.H. 1991. *Old Penang*. Singapore: Oxford University Press.
- India Office Records, G/34/123, hlm. 9–10.
- Jarman, R.L. (Ed.). 1998. *Annual Reports of the Straits Settlements 1855-1941, Vol 5: 1901-1907*. Report No. 360: Year 1901. United Kingdom: Archieve Editions Limited. Hlm. 73.
- Jarman, R.L. (Ed.). 1998. *Reports of the Straits Settlements 1855-1941, Vol 5: 1901-1907*. Report No. 435: Year 1904. United Kingdom: Archieve Editions Limited. Hlm. 285.
- Jarman, R.L. (Ed.). 1998. *Annual Reports of the Straits Settlements 1855-1941, Vol 5: 1901-1907*. Report No. 540: Year 1907. United Kingdom: Archieve Editions Limited. Hlm. 606.
- Jayakumary Marimuthu & Mohamed Ali Haniffa. 2022. Kegiatan dan Perdagangan Candu di Perak pada Kurun Ke-19. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 6(1): 30.
- Kang, H. 2015. A Study on Chinese community and opium farms in Penang in the 19<sup>th</sup> Century. *Journal of Modern Education Review* 5(4): 355.
- Khoo, S.N. 1993. *Streets of George Town, Penang*. Pulau Pinang: Areca Books.
- Lee, E.H. 2003. *Sejarah orang Cina di Asia Tenggara*. Taiwan: Wu-Nan Book In. (李恩涵. 2003. 东南亚华人史. 台湾: 五南图书出版公司.)
- Lee, K.H. 2016. *State Policy, Community Identity, and Management of Chinese Cemeteries in Colonial Malaya*. Paris: Archipel.
- Lee, K.H dan Chow, M. S. 1997. *Biographical Dictionary of the Chinese in Malaysia*. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Lim, P.H. 2002. *Wong Ah Fook: Immigrant, Builder and Entrepreneur*. Singapore: Times Editions.
- Lim, S.F. dan Nordin Hussin. 2017. Sejarah Pembasmian dan penggunaan dan perdagangan cendu di Negeri-negeri Selat tahun 1908-1940. *Malaysian Journal of Society and Space* 13(4): 59.
- Lo, H. 1993. Ku Hung-ming: Homecoming. *East Asian History* 6: 171-172.
- Logan, J.R. 1850. Extracts from the Journal of Captain F. Light. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 4: 629.
- Logan, J.R. 1850. Notice of Pinang. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 4: 629-636.
- London to Penang 14 April 1805. Para. 52. JIA. VI. 26-27.
- Mackay, D. 2005. *Eastern Customs: The Custom Service in British Malaya and the Opium Trade*. New York: The Radcliffe Press.
- Menkhoff, T. & Gerke, S. 2002. *Chinese Entrepreneurship and Asian Business Networks*. London: Routledge Curzon.
- Mills, L.A. 1960. British Malaya 1824-67. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 33(3): 250.
- Moore, W.K. 2004. *Malaysia: A Pictorial History 1400-2004*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.
- Nordin Hussin. 2007. *Trade and Society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang*, Singapore: NUS Press.
- Opium Returns. Ref: CS. 34/81, A(N)/SUK (B.000000)/01.001. Hlm. 6.

- Ours, J.C.V. 1995. The price elasticity of hard drugs: The case of opium in the Dutch East Indies, 1923-1938. *Journal of Political Economy* 103(2): 261-279.
- Penang to London 12 November 1805. Para. N51-5. SSR (SNL) B1. 19-20. Cowan (1950). 24. JIA. VI. 87.
- Shen, Y.Q. 2013. Bing Cheng Fu Jian Hua Ren Wu Da Xing Shi Xiang Ma Jin Ying Tan Xi. *Oversea Chinese Journal of Bagui* 4: 69.  
(沈燕清. 2013. 槟城华人五大姓氏饷码经营探析. 八桂侨刊. 第四期. 第 69 页)
- Tan, K.H. 2007. *The Chinese in Penang: A Pictorial History*. Pulau Pinang: Areca Books.
- Tan, S.C. 2015. Perkembangan pengumpulan modal oleh orang Cina di Pulau Pinang, 1786-1820. *Proceedings of International Conference on Human Sciences UPSI 2015*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, hlm. 479.
- Tan, S.C. & Adnan Jusoh. 2016. Pengumpulan modal oleh orang Cina di Pulau Pinang (1820-1867): Satu tinjauan dari aspek aset, potensi dan peluang. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(2): 115.
- Tan, S.C. & Adnan Jusoh. 2023. Kepentingan dan Cabaran Monopoli Hak Menjual Garam oleh keluarga Koo di Taiwan sebelum Perang Dunia Kedua. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategies Studies* 50(1): 2.
- Tan, T.J, Ho, W.F. & Tan, J.L. 2005. *The Chinese Malaysian Contribution*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- The Straits Times, 20 Mac 1875.
- Tian, X. 2007. *Managing International Business in China*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Tong, C.K (Ed.). 2014. *Chinese Business: Rethinking Guanxi and Trust in Chinese Business Networks*. Singapore: Springer.
- Trocki, C.A. 1990. *Opium and Empire: Chinese Society in Colonial Singapura, 1800-1910*. Ithaca: Cornell University Press.
- Trocki, C.A. 2002. Opium and the beginnings of Chinese capitalism in Southeast Asia. *Journal of Southeast Asian Studies* 33(2): 299.
- Vaughan, J.D. 1879. *The Manners and Customs of the Chinese of the Straits Settlements*. New York: Cornell University Library.
- Wu, X.A. 2003. *Chinese Business in the Making of a Malay State, 1882-1941: Kedah and Penang*. London: Routledge Curzon.
- Wong, C.S. 1963. *The Gallery of Chinese Kapitans*. Singapura: Ministry of Culture.
- Wong, Y.T. 2013. Baba Hokkiens, big business, and economic dominance in Penang and its region, 1840s-1900s. *Malaysian Journal of Chinese Studies* 2(2): 65.
- Wright, A. & Cartwright, H.A. 1908. *Twentieth century impressions of British Malaya: Its history, people, commerce, industries, and resources*. London: Lloyd's Greater Britain Publishing Company Limited.
- Yang, L & Ye, X.D. 1993. *Dong Nan Ya De Fu Jian Ren*. Fuzhou: Fujian Ren Min Chu Ban She.  
(杨力和叶小敦. 1993. 东南亚的福建人. 福州: 福建人民出版社)
- Yeoh, S.G., Loh, W.L., Khoo Salma Nasution et.al. (Eds.). 2009. *Penang and its Region: The Story of an Asian Entrepot*. Singapore: NUS Press.

## NOTA HUJUNG

---

<sup>1</sup> Sarnia Hayes Hoyt, *Old Penang*, Oxford University Press, Singapore, 1991, hlm. 20.

<sup>2</sup> Yang Li dan Ye Xiao Dun, *Dong Nan Ya De Fu Jian Ren*, Fujian Ren Min Chu Ban She, Fuzhou, 1993, hlm. 191.  
(杨力和叶小敦, 东南亚的福建人, 福建人民出版社, 福州, 1993, 第 191 页。)

<sup>3</sup> Cheah See Kian, *The Chinese: Two hundred years in Penang*, Han Chiang College, Pulau Pinang, 2012, hlm. 31.

<sup>4</sup> Khoo Su Nin, *Streets of George Town, Penang*, Areca Books, Pulau Pinang, 1993, hlm. 64.

<sup>5</sup> J. R. Logan, "Extracts from the journal of Captain F. Light", *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. 4, 1850, hlm. 629.

- <sup>6</sup> (t.p), *Historical personalities of Penang*, Historical Personalities of Penang Committee, Pulau Pinang, 1986, hlm. 82.
- <sup>7</sup> Pertubuhan Ghee Hin dibawa masuk dari negara China dan seterusnya diperkenalkan di Singapura oleh ahli kongsi di Pulau Pinang manakala Hai San berasal dari selatan China dan ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1820 serta dipimpin oleh Low, Ah Chong dan Ho Ah Kow.
- <sup>8</sup> B. W. Andaya dan L. Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Macmillan Publishers (M) Sdn. Bhd, Petaling Jaya, 1983, hlm. 164.
- <sup>9</sup> J. D. Vaughan. *The manners and customs of the Chinese of the Straits Settlements*, Cornell University Library, New York, 1879, hlm. 103.
- <sup>10</sup> "History of China street", *China Tiger*, 7 March 2003.
- <sup>11</sup> Wong Yee Tuan, "Baba Hokkiens, big business, and economic dominance in Penang and its region, 1840s-1900s", *Malaysian Journal of Chinese Studies*, 2(2), 2013, hlm. 65.
- <sup>12</sup> J. R. Logan, "Notice of Pinang", *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Jld. IV, 1850, hlm. 629-636.
- <sup>13</sup> Wong Choon San, *The gallery of Chinese Kapitans*, Ministry of Culture, Singapura, 1963, hlm. 12-13.
- <sup>14</sup> Arnold Wright and H. A. Cartwright, *Twentieth century impressions of British Malaya: Its history, people, commerce, industries, and resources*, Lloyd's Greater Britain Publishing Company Limited, London, 1908, hlm. 755.
- <sup>15</sup> Lee Kam Hing, *State policy, community identity, and management of Chinese cemeteries in colonial Malaya*, Archipel, Paris, 2016, hlm. 92.
- <sup>16</sup> Lo Hui-min, "Ku Hung-ming: Homecoming", *East Asian History*, No. 6, 1993, hlm. 172.
- <sup>17</sup> Wong Choon San, *A Gallery of Chinese Kapitans*, hlm. 16.
- <sup>18</sup> Khoo Su Nin, *Streets of George Town, Penang*, hlm. 65.
- <sup>19</sup> Wong Yee Tuan, "Baba Hokkiens, big business, and economic dominance in Penang and its region, 1840s-1900s", hlm. 70.
- <sup>20</sup> John Butcher dan Howard Dick (ed.), *The rise and fall of revenue farming: Business elites and the emergence of the modern state in Southeast Asia*, 1993, hlm. 98.
- <sup>21</sup> Arnold Wright and H. A. Cartwright, *Twentieth century impressions of British Malaya: Its history, people, commerce, industries, and resources*, hlm. 757.
- <sup>22</sup> Tan Kim Hong, *The Chinese in Penang: A pictorial history*, 2007, hlm. 29.
- <sup>23</sup> Cheah See Kian. *The Chinese: Two hundred years in Penang*, hlm. 72.
- <sup>24</sup> Yeoh Seng Guan, Loh Wei Leng, Khoo Salma Nasution et.al. (ed.), *Penang and its region: The story of an Asian entrepot*, hlm. 218.
- <sup>25</sup> Lee Kam Hing dan Chow Mun Seong, *Biographical dictionary of the Chinese in Malaysia*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, Selangor, 1997, hlm. 73.
- <sup>26</sup> Daryl Yeap, *The King's Chinese: From barber to banker, the story of Yeap Chor Ee and the Straits Chinese*, World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd., Singapore, 2023, hlm. 96.
- <sup>27</sup> Wu Xiao An, *Chinese business in the making of a Malay state, 1882-1941: Kedah and Penang*, Routledge Curzon, London, 2003, hlm. 28.
- <sup>28</sup> Thomas Menkhoff dan Solvay Gerke, *Chinese entrepreneurship and Asian business networks*, Routledge Curzon, London, 2002, hlm. 31.
- <sup>29</sup> Tian Xiaowen, *Managing international business in China*, Cambridge University Press, United Kingdom, 2007, hlm. 52.
- <sup>30</sup> Thomas Menkhoff dan Solvay Gerke, *Chinese entrepreneurship and Asian business networks*, hlm. 191.
- <sup>31</sup> Lee En-Han, *Sejarah orang Cina di Asia Tenggara*, Wu-Nan Book In., Taiwan, 2003, hlm. 184. (李恩涵, 东南亚华人史, 五南图书出版公司, 台湾, 2003, 第 184 页.)
- <sup>32</sup> Wendy Khadijah Moore, *Malaysia: A pictorial history 1400-2004*, Editions Didier Millet, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 53.
- <sup>33</sup> Lee Kam Hing dan Chow Mun Seong, *Biographical dictionary of the Chinese in Malaysia*, hlm. 74.
- <sup>34</sup> Lo Hui-min, "Ku Hung-ming: Homecoming", hlm. 171-172.
- <sup>35</sup> Kang Heejung, "A study on Chinese community and opium farms in Penang in the 19<sup>th</sup> Century", *Journal of Modern Education Review*, 5(4), 2015, hlm. 355.
- <sup>36</sup> Tong Chee Kiong (ed.), *Chinese business: Rethinking guanxi and trust in Chinese business networks*, Springer, Singapore, 2014, hlm. 50.
- <sup>37</sup> Extract of Public Letter from POWI dated 31st July 1806. Para 32.
- <sup>38</sup> *ibid.*
- <sup>39</sup> C. A. Trocki, "Opium and the beginnings of Chinese capitalism in Southeast Asia", *Journal of Southeast Asian Studies*, 33 (2), 2002, hlm. 299.
- <sup>40</sup> Chan Kwok Bun dan Claire Chiang See Ngah, *Mengorak langah: Melahirkan usahawan Cina*, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, Kuala Lumpur, 2009, hlm. 72.

- <sup>41</sup> Che kay merupakan nama lain Koh Lay Huan. Beliau turut mempunyai nama lain seperti Koh Lay Hwan, Cheki, Chu Khee dan Cheko. Rujuk Tan Soon Chin, ‘Perkembangan pengumpulan modal oleh orang Cina di Pulau Pinang, 1786-1820’, *Proceedings of International Conference on Human Sciences UPSI 2015*, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 7-9 April 2015, hlm. 479.
- <sup>42</sup> James Town dikenali sebagai Sungai Kluang pada masa ini.
- <sup>43</sup> Tan Teong Jin, Ho Wah Foon dan Tan Joo Lan, *The Chinese Malaysian contribution*, Centre for Malaysian Chinese Studies, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 309.
- <sup>44</sup> M. Stubbs Brown, A history of Penang 1805-1819, *Dissertation (Ph.D)*, Department Of History, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1963, hlm. 162.
- <sup>45</sup> Tan Teong Jin, Ho Wah Foon dan Tan Joo Lan, *The Chinese Malaysian contribution*, Centre for Malaysian Chinese Studies, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 310.
- <sup>46</sup> W. Bailey dan Lan Truong, “Opium and empire: Some evidence from Colonial-era Asian stock and commodity markets”, *Journal of Southeast Asian Studies*, 32, 2000, hlm. 3.
- <sup>47</sup> Tan Kim Hong, *The Chinese in Penang: A Pictorial History*, Areca Books, Pulau Pinang, 2007, hlm. 29.
- <sup>48</sup> Lim Pui Huen, *Wong Ah Fook: Immigrant, builder and entrepreneur*, Times Editions, Singapore, 2002, hlm. 77.
- <sup>49</sup> 80,000 chests bersamaan dengan 4320 tan. Jadi, 1 chests bersamaan dengan 0.054 tan atau 54 kilogram.
- <sup>50</sup> Opium Returns, Ref. CS. 34/81, A(N)/SUK (B.000000)/01.001, hlm. 6.
- <sup>51</sup> Jean DeBernardi, *Penang: Rites of belonging in a Malaysian Chinese community*, NUS Press, Singapore, 2009, hlm. 18-19.
- <sup>52</sup> *ibid*, hlm. 8.
- <sup>53</sup> Cheah See Kian. *The Chinese*, hlm. 104.
- <sup>54</sup> *ibid*.
- <sup>55</sup> C.A. Trocki, *Opium and empire: Chinese society in colonial Singapura, 1800-1910*, Cornell University Press, Ithaca, 1990, hlm. 67.
- <sup>56</sup> J.C.V. Ours, “The price elasticity of hard drugs: The case of opium in the Dutch East Indies, 1923-1938”, *Journal of Political Economy*, 103(2), 1995, hlm. 261-279.
- <sup>57</sup> Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, *Biographical dictionary of the Chinese in Malaysia*, hlm. 74.
- <sup>58</sup> Jayakumary Marimuthu dan Mohamed Ali Haniffa, “Kegiatan dan Perdagangan Candu di Perak pada Kurun Ke-19”, *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 6(1), 2022, hlm. 30.
- <sup>59</sup> The Straits Times, 20 Mac 1875.
- <sup>60</sup> Robert L. Jarman (ed.), *Annual reports of the Straits Settlements 1855-1941, Vol 5: 1901-1907*, Report No. 435: Year 1904, Archieve Editions Limited, United Kingdom, 1998, hlm. 285.
- <sup>61</sup> Benares adalah salah sebuah kawasan yang terdapat di India, turut dikenali sebagai Banaras atau Kashi dan terletak di tebing Sungai Ganges di Uttar Pradesh, India.
- <sup>62</sup> Robert L. Jarman (ed.), *Annual reports of the Straits Settlements 1855-1941, Vol 5: 1901-1907*, Report No. 360: Year 1901, Archieve Editions Limited, United Kingdom, 1998, hlm. 73.
- <sup>63</sup> Nordin Hussin, *Trade and Society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*, NUS Press, Singapore, 2007, hlm. 254.
- <sup>64</sup> India Office Records, G/34/123, hlm. 9–10.
- <sup>65</sup> Robert L. Jarman (ed.), *Annual reports of the Straits Settlements 1855-1941, Vol 5: 1901-1907*, Report No. 540: Year 1907, Archieve Editions Limited, United Kingdom, 1998, hlm. 606.
- <sup>66</sup> Robert L. Jarman (ed.), *Annual reports of the Straits Settlements 1855-1941, Vol 5: 1901-1907*, Report No. 360: Year 1901, hlm. 73.
- <sup>67</sup> L.A. Mills, “British Malaya 1824-67”. *Journal of The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 33(3), 1960, hlm. 250.
- <sup>68</sup> John S. Achey, *Pengenalan kepada Proses Pembuatan (Edisi Ke-3)*, Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2009, hlm. 4.
- <sup>69</sup> Lim Sel Fang dan Nordin Hussin, “Sejarah Pembasmian dan penggunaan dan perdagangan candu di Negeri-negeri Selat tahun 1908-1940”, *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(4), 2017, hlm. 59.
- <sup>70</sup> Lim Sel Fang dan Nordin Hussin, “Sejarah Pembasmian dan penggunaan dan perdagangan candu di Negeri-negeri Selat tahun 1908-1940”, *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(4), 2017, hlm. 61
- <sup>71</sup> Shen Yan Qing, “Bing Cheng Fu Jian Hua Ren Wu Da Xing Shi Xiang Ma Jin Ying Tan Xi”, *Oversea Chinese Journal Of Bagui*, Vol. 4, 2013, hlm. 69.  
(沈燕清, 槟城华人五大姓氏饷码经营探析, 八桂侨刊, 第四期, 2013年, 第69页。)
- <sup>72</sup> Derek Mackay, *Eastern Customs: The custom service in British Malaya and the opium trade*, The Radcliffe Press, New York, 2005, hlm. 133.
- <sup>73</sup> Tan Soon Chin dan Adnan Jusoh, “Pengumpulan modal oleh orang Cina di Pulau Pinang (1820-1867): Satu tinjauan dari aspek aset, potensi dan peluang”, *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(2), 2016, hlm. 115.

Tan Soon Chin  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
39500 Tanjong Malim, Perak  
E-mel: tansoonchin13@gmail.com

Adnan Jusoh, Ph.D  
Prof. Madya  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
39500 Tanjong Malim, Perak  
E-mel: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my

Received: 14<sup>th</sup> June 2024

Accepted: 2<sup>nd</sup> July 2024

Published: 15<sup>th</sup> July 2024